

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN
10hb Dis. 2021]

22297

No. 20873.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

STATUT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (BURSAR) 2019

SUSUNAN SEKSYEN-SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Nama dan permulaan kuatkuasa

BAHAGIAN II

BURSAR

2. Pelantikan
3. Kuasa dan kewajipan Bursar
4. Mewakilkan kuasa dan kewajipan
5. Keesahan

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971****PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH****STATUT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (BURSAR) 2019**

Pada menjalankan kuasa yang diberi di bawah subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah [P.U. (A) 460/2010], Canselor membuat Statut yang berikut:

Nama dan permulaan kuatkuasa

1. (1) Statut ini bolehlah dinamakan Statut Universiti Malaysia Sabah (Bursar) 2019.

(2) Statut ini hendaklah disifatkan berkuat kuasa pada 8 Ogos 2019.

Pelantikan

2. (1) Seorang Bursar hendaklah dilantik oleh Lembaga mengikut Seksyen 14 Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah.

(2) Seorang Bursar hendaklah melainkan jika ia meletakan jawatan atau mengosongkan jawatannya atau pelantikkannya dibatalkan, memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi tiga (3) tahun dan apabila tempoh itu habis, Bursar adalah layak untuk dilantik semula.

(3) Pelantikan Bursar boleh, pada bila-bila masa, dibatalkan oleh Lembaga dengan menyatakan sebab bagi pembatalan itu.

Kuasa dan kewajipan Bursar

3. Tertakluk kepada Perlembagaan, Statut, Kaedah dan Peraturan, Bursar hendaklah mempunyai kuasa dan kewajipan berikut—

- (a) menjadi Ketua Pegawai Kewangan yang hendaklah menguruskan hal ehwal kewangan Universiti;
- (b) menjadi ketua Pejabat Bursar;
- (c) mengeluarkan arahan pengurusan kewangan dan memberi nasihat berkaitan hal kewangan;
- (d) meminta penjelasan berhubung apa-apa perbelanjaan Universiti dan boleh menolak mana-mana perbelanjaan yang melebihi daripada peruntukan yang diluluskan;
- (e) membantu Naib Canselor dalam perencanaan pelan strategik dengan mengambil langkah-langkah pengurusan kewangan yang perlu untuk merealisasikan pelan strategik selaras dengan visi dan misi Universiti;
- (f) menuntut, menerima dan mengakaun hasil dan terimaan termasuklah semua fi, sewa dan wang lain yang diterima oleh Universiti dan mengeluarkan resit untuk yang sama;

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

10hb Dis. 2021]

22299

- (g) terlibat dalam merancang, melaksana dan memantau aktiviti-aktiviti penjanaan pendapatan Universiti;
- (h) terlibat dalam merancang, melaksana dan memantau aktiviti pengurusan sumber dalam penjanaan pendapatan dalaman Universiti;
- (i) menyediakan penyata kewangan Universiti;
- (j) menjadi ahli Jawatankuasa Tetap Kewangan Universiti dan jawatankuasa kewangan lain Universiti;
- (k) mengurus dan mentadbir perolehan Universiti;
- (l) menjadi pengawal selia (*custodian*) kepada aset Universiti termasuklah mengurus, merekod dan melupus aset itu;
- (m) menjadi pengawal selia (*custodian*) kepada rekod kewangan Universiti;
- (n) menyelaras urusan pengauditan penyata kewangan Universiti;
- (o) membuat dan mengakaunkan pembayaran kepada mana-mana pihak yang berkenaan;
- (p) menjadi ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti dan mana-mana jawatankuasa lain yang ditetapkan oleh Perlembagaan, Statut, Kaedah dan Peraturan;
- (q) menjadi ahli *ex-officio* Lembaga Pengarah Universiti dan Senat;
- (r) melaksanakan apa-apa kuasa atau tanggungjawab lain sebagaimana yang diperlukan di bawah Perlembagaan, Statut, Kaedah dan Peraturan; dan
- (s) menjalankan tugas-tugas dan fungsi lain yang diarahkan oleh Naib Canselor dari semasa ke semasa.

Mewakilkan Kuasa dan Kewajipan

4. (1) Tertakluk kepada Perlembagaan, Bursar boleh mewakilkan mana-mana kuasa dan kewajipannya kepada mana-mana pegawai atau pekerja Universiti melalui suatu suratcara bertulis.

(2) Semasa ketidaaan Bursar atas apa-apa sebab, Naib Canselor boleh melantik mana-mana pegawai kewangan Universiti untuk menjalankan mana-mana atau kesemua kuasa atau kewajipan Bursar.

Keesahan

5. Tiada apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh Bursar yang menjalankan tugasnya yang berkenaan sebelum kuat kuasanya Statut ini boleh menjadi tidak sah atas sebab Statut ini belum berkuat kuasa.

Dibuat 8 Ogos 2019

TYT TUN DATUK SERI PANGLIMA (DR.) HAJI JUHAR BIN
DATUK HAJI MAHIRUDDIN
Canselor
Universiti Malaysia Sabah